

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JULY 2017

Tidak mustahil Dr. M masuk UMNO semula

Um - 12/7/2017 pg. 8

PULAU PINANG 11 Julai - Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak mustahil akan kembali semula kepada UMNO jika melihat kepada sejarah 'keluar dan masuk' beliau ke dalam parti itu sebanyak tiga kali sepanjang penglibatannya dalam politik sejak lebih 50 tahun lalu.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Zainal Abidin Osman (**gambar**) berkata,

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sewenang-wenangnya berbuat demikian sejak dahulu hingga kini sekiranya tidak berpuas hati dengan pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) dan UMNO.

Menurutnya, pemimpin veteran itu pada 1969 per-



nah dipecat daripada UMNO yang diterajui Tunku Abdul Rahman kemudian masuk semula ke parti itu sebelum keluar sekali lagi ketika pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Tambah beliau, selepas menyertai semula UMNO

berikutan perubahan Perdana Menteri kepada Datuk Seri Najib Tun Razak, Dr. Mahathir bagaimanapun tidak mampu bertahan lama dan bertindak keluar sekali lagi kerana mempunyai agenda tersendiri.

Zainal Abidin berkata dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis Rumah Terbuka Aidilfitri UMNO negeri di sini, hari ini.